

KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN
SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN TAHUN 2024
SESI 23 OKTOBER 2024

TOPIK: TRANSAKSI MATA WANG DIGITAL PERSPEKTIF PERCUKAIAN DI MALAYSIA

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Ramai yang jual beli kripto tapi tiada lapor cukai pendapatan. Apakah tindakan yang akan diambil untuk membasmi situasi kehilangan cukai?	LHDNM telah mengambil pendekatan seperti berikut bagi memastikan ketirisan cukai dapat ditangani khususnya berkaitan dengan wang digital: 1. Bekerjasama dengan pihak ketiga yang terlibat secara langsung dengan operasi dan aktiviti wang digital. 2. Pertukaran maklumat (EOI) dengan pengamal percukaian dari seluruh dunia. 3. Pemantauan harian ke atas sosial media, platform wang digital dan laman sesawang.
2.	I have one bitcoin. Bought it ten years ago. When I bought it was RM 10,000. Today I use the 1 bitcoin to buy a Tesla for RM 300,000. there is no tax on me right?	Jawapan diberikan secara umum berpandukan kepada peruntukan Akta semasa dan maklumat yang diberikan dalam soalan sahaja. Sekiranya transaksi tersebut merupakan satu-satunya transaksi yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun tersebut, maka keuntungan tersebut tidak tertakluk kepada cukai. Walau bagaimanapun, setiap kes dan fakta yang sebenar haruslah diperhalusi bagi penentuan layanan cukai.
3.	Beli kripto di apps seperti HATA, Luno, MX pada 1 Jan 2025 dan jual 31.12.2027 dpt untung bersih RM10k, kene cukai pada tahun bila. 2025 2026 kene cukai x.? atau hanya pada 2027.?	Cukai akan dikenakan ke atas keuntungan yang boleh diterima atau dianggap diterima pada tarikh mata wang digital dijual/dilupuskan berdasarkan peruntukan subseksyen 24(1) ACP. Peruntukan ini membolehkan pendapatan perniagaan ditaksir berasaskan konsep akruan. Pembayar cukai perlu melaporkan keuntungan berdasarkan prinsip di atas mengikut sesuatu tempoh asas tanpa mengambil kira bila bayaran tersebut diterima. Merujuk kepada senario yang diberikan pelupusan mata wang digital berlaku pada 31.12.2027. Oleh itu, pendapatan tersebut perlu dilaporkan dalam Tahun Taksiran 2027 sekiranya pembayar cukai adalah individu.
4.	1. Kerugian Kripto boleh serap dlm profit bisnes x.? 2. Boleh x bawa Kerugian Kripto ke tahun seterusnya.?	Sekiranya perbelanjaan yang dibenarkan dalam perniagaan kripto semasa tempoh asas melebihi pendapatan kasar perniagaan kripto, ia akan menghasilkan kerugian larasan daripada punca perniagaan kripto dan pendapatan larasan

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		daripada perniagaan kripto tersebut disifatkan Tiada. Kerugian larasan perniagaan kripto yang terbit dalam tahun semasa akan dipotong daripada pendapatan agregat (pendapatan-pendapatan lain) untuk tahun taksiran tersebut dalam menentukan jumlah pendapatannya. [Subseksyen 44(2) ACP] Sekiranya kerugian larasan perniagaan kirpto tidak dapat diserap atau diserap sepenuhnya dalam menentukan jumlah pendapatan bagi suatu tahun taksiran, kerugian tersebut akan dihantar ke hadapan untuk dipotong daripada agregat pendapatan berkanun daripada setiap punca yang terdiri daripada perniagaan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya. [Subseksyen 43(2), 44(4) dan 44(5) ACP] Walau bagaimanapun tempoh bagi kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang tidak dapat diserap yang timbul daripada suatu tahun taksiran hanya boleh dihantar ke hadapan terhad kepada sepuluh (10) tahun taksiran yang berturut-turut. Tempoh sepuluh (10) tahun taksiran yang berturut-turut bermula sejeurus selepas tahun taksiran kerugian larasan perniagaan terbit. Sebarang baki kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap setelah berakhirnya tempoh sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut hendaklah diabaikan.
5.	How do we determine whether the investment in digital currencies consider active or not active? Is there any particular number of transactions that will be looked at?	Kebolehcukaian ke atas keuntungan daripada pelaburan mata wang digital akan bergantung pada sama ada keuntungan itu adalah bersifat modal atau bersifat hasil serta berdasarkan petunjuk perdagangan. Pelaburan seseorang dalam mata wang digital dan token digital dianggap sebagai aktiviti perniagaan orang itu, jika aktiviti pelaburan itu berterusan, sistematik, aktif, membawa risiko kewangan dan bertujuan untuk mengaut keuntungan. Dalam aspek kekerapan transaksi, kekerapan yang tinggi bagi urus niaga mata wang digital yang serupa adalah lebih menunjukkan sifat perdagangan berbanding transaksi terpencil.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	1.Nilai kripto kene tukar nilai MYR/RM.? OR 2.dicukai hanya ketika direalisasikan.?	Ya, untuk tujuan pelaporan cukai, nilai mata wang digital perlu ditukarkan ke nilai Ringgit Malaysia (RM) mengikut masa transaksi. Bagi tujuan cukai pendapatan, keuntungan hasil daripada pertukaran mata wang digital kepada RM yang terealisasi adalah dikenakan cukai.
7.	kripto perlu dinilai dlm MYR/RM sebelum tertakluk dicukai.?	
8.	Income from NFT taxable?	Urus niaga yang melibatkan NFT adalah dikenakan cukai jika keuntungan NFT tersebut adalah bersifat hasil yang dilakukan di Malaysia. Namun begitu, semua fakta dan keadaan sebenar perlu dipertimbangkan berdasarkan petunjuk perdagangan dalam menentukan sama ada pendapatan tersebut bersifat hasil ataupun modal. Sekiranya terdapat satu atau lebih petunjuk perdagangan yang menyokong pelupusan kripto bersifat hasil pelupusan tersebut adalah tertakluk kepada cukai.
9.	Airdrop coin received is taxable?	Seseorang boleh menerima mata wang digital secara percuma sebagai alat promosi atau pemasaran atau pecahan mata wang digital sedia ada seperti 'airdrop' dan 'hardfork'. Token ini bukan pendapatan kepada penerima, oleh itu cukai tidak dikenakan pada masa penerimaan. Walau bagaimanapun, ianya mungkin tertakluk kepada cukai pendapatan jika token diberikan sebagai pertukaran barangan atau perkhidmatan tertentu.
10.	Adakah Digital Gold Investment halal dan sah dilaburkan Di Malaysia?	Persoalan yang dikemukakan adalah di luar topik pembentangan/percukaian. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada agensi/Pihak Berkuasa Berwibawa (Competent Authority) yang berkaitan seperti Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung dengan persoalan ini.
11.	I have one bitcoin. Bought in 2018 at RM 10,000. Today I gives my bitcoin to my sister. There is also no tax on me right!	Jawapan diberikan secara umum berpandukan kepada peruntukan Akta semasa dan maklumat yang diberikan dalam soalan sahaja. Sekiranya transaksi tersebut merupakan satu-satunya transaksi yang dilakukan dalam tempoh 6 tahun tersebut, maka keuntungan tersebut tidak tertakluk kepada cukai. Walau bagaimanapun, setiap kes dan fakta yang sebenar haruslah diperhalusi bagi penentuan layanan cukai.
12.	I got one bitcoin in 2018. I bought it for RM 10,000. Today I use it in HK to pay for a golf	Jawapan diberikan secara umum berpandukan kepada peruntukan Akta

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	membership for RM 300,000 in HK. There is also no tax on me right!	semasa dan maklumat yang diberikan dalam soalan sahaja. Sekiranya transaksi tersebut merupakan satu-satunya transaksi yang dilakukan dalam tempoh 6 tahun tersebut, maka keuntungan tersebut tidak tertakluk kepada cukai. Walau bagaimanapun, setiap kes dan fakta yang sebenar haruslah diperhalusi bagi penentuan layanan cukai.
13.	Untuk aktiviti mining, bila ianya akan dikenakan cukai, apabila bitcoin berjaya dihasilkan atau apabila ianya dijual?	Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan perlombongan atau menjalankan aktiviti perlombongan dengan motif mencari keuntungan adalah tertakluk kepada cukai mengikut peruntukan cukai pendapatan sedia ada. Cukai akan dikenakan apabila mata wang digital tersebut dijual. Namun, sekiranya pelombong menerima fi daripada aktiviti melombong tersebut. Fi yang diterima oleh pelombong tersebut adalah dikenakan cukai.
14.	1.Apakah kos yang dibenarkan sebagai tolakan bagi kes di mana ada transaksi melibatkan P2P (rujuk slaid perbandingan layanan cukai)	Berdasarkan subseksyen 33(1) ACP, dalam menentukan jumlah pendapatan kasar bagi perniagaan untuk sesuatu tempoh asas, potongan boleh dibenarkan daripada pendapatan kasar perniagaan untuk tempoh asas tersebut berkaitan dengan perbelanjaan dilakukan sepenuh dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan kasar tersebut dan tidak dihalang oleh subseksyen 39(1) ACP. Oleh itu, perbelanjaan dalam transaksi yang melibatkan P2P hendaklah memenuhi prinsip di atas bagi membolehkan potongan cukai dibenarkan.
15.	Adakah ciri badges of trade boleh dikenakan ke atas pelabur saham ipo yang kebanyakannya menjual saham ipo pada hari pertama saham ipo diapungkan?	Jualan saham IPO pada hari pertama saham IPO diapungkan adalah satu petunjuk perdagangan yang menyokong bahawa pelupusan saham tersebut adalah bermotifkan keuntungan. Ini kerana terdapat faktor tempoh pemilikan yang singkat. Oleh itu keuntungan pelupusan saham IPO pada hari pertama saham IPO diapungkan adalah tertakluk kepada cukai.
16.	I have bought 1 bitcoin ten years ago for RM 10,000. Today it is worth RM 300,000. I still hold on to this bitcoin. Can I be taxed on the unrealized gain? If I use this coin today - is there a tax?	Keuntungan yang tidak terealisasi tidak dikenakan cukai. Balasan ke atas penggunaan bitcoin menunjukkan bitcoin tersebut telah dilupuskan dan ia tertakluk kepada cukai sekiranya terdapat petunjuk perdagangan yang menyokong pelupusan tersebut bersifat hasil.
17.	Bagi perbandingan layanan yang dibentangkan adakah badges of trade tidak akan dijadikan indikator bagi pengenaan RPGT?	Keuntungan di atas pelupusan aset perlu ditentukan berdasarkan petunjuk perdagangan terlebih dahulu. Sekiranya keuntungan aset tersebut tidak tertakluk

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		kepada ACP, maka keuntungan tersebut akan dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Harta Tanah 1976 (ACKHT).
18.	Since digital currency is not recognized by BNM, why does the SC still allow digital currency transactions in Malaysia?	Persoalan yang dikemukakan adalah di luar topik percukaian. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada agensi/Pihak Berkuasa Berwibawa (Competent Authority) yang berkaitan seperti Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung dengan persoalan ini.
19.	Berapa kali jual beli transaksi yang dianggap sebagai aktif dan bersifat hasil	Tiada tempoh kekerapan transaksi yang spesifik bagi penentuan aktif dan bersifat hasil. Kekerapan transaksi mata wang digital mesti dipertimbangkan berdasarkan fakta dan keadaan sebenar. Penentuan aktif dan pendapatan hasil perlu ditentukan berdasarkan petunjuk perdagangan secara keseluruhan. Kekerapan yang tinggi bagi urus niaga mata wang digital yang serupa adalah lebih menunjukkan sifat perdagangan berbanding transaksi terpencil. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat hanya satu transaksi tetapi boleh digabungkan dengan petunjuk perdagangan yang lain, transaksi tersebut boleh tertakluk kepada cukai.
20.	Is there a definition or list who is "Government"/ is BNM a government for CGt purpose?	Maksud "Government" menurut Interpretation Act 1948 ialah "Government of Malaysia". BNM bukan "Government" kerana ia tidak memenuhi maksud Kerajaan.
21.	Bagaimana transaksi mata wang digital mempengaruhi pematuhan cukai bagi individu dan perniagaan di Malaysia?	Mana-mana individu atau perniagaan yang menjalankan aktiviti transaksi wang digital dan memperoleh pendapatan, pendapatan tersebut perlu dilaporkan kepada LHDNM. Kegagalan melaporkan pendapatan yang diterima dari aktiviti ini merupakan satu kesalahan di bawah ACP 1967 dan tindakan pematuhan boleh dikenakan.
22.	What 'active' means? If i invest in a calendar year say 6 times, but i dont dispose these assets in 2 years, is this active or not active?	Kebolehcukaian ke atas keuntungan daripada transaksi mata wang digital akan bergantung pada sama ada keuntungan itu adalah modal atau bersifat hasil adalah berdasarkan petunjuk perdagangan secara keseluruhan serta berdasarkan fakta dan kes sebenar. Oleh itu petunjuk perdagangan seperti tempoh pegangan, kekerapan transaksi, motif pembelian mata wang tersebut perlu diperhalusi. Maka, transaksi pembelian mata wang digital sebanyak 6 kali merupakan pembelian yang aktif.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
23.	Bagaimana pula mengklasifikasi pembelian emas digital? Berapa tahun pegangan utk d klasifikasi sebagai capital investment? Adakah perbezaan layanan cukai utk pelaburan emas fizikal dan emas digital?	Soalan yang dikemukakan adalah di luar topik transaksi mata wang digital. Walau bagaimanapun, tiada tempoh pegangan yang spesifik yang ditetapkan oleh LHDNM dalam penentuan ianya dianggap sebagai pelaburan. Sebarang penentuan kebolehcukaian adalah berdasarkan fakta dan kes sebenar dan merujuk kepada petunjuk perdagangan termasuklah tempoh pegangan. Tiada perbezaan layanan cukai bagi pelaburan cukai emas fizikal dan emas digital.
24.	If a trader traded crypto using a foreign dax, is it subject to tax or considered a foreign source of income, therefore exempted?	Pendapatan daripada urusanniaga kripto yang menggunakan foreign DAX adalah tertakluk kepada cukai sekiranya mempunyai petunjuk-petunjuk perdagangan.
25.	klu pertikaian dimahkamah ...apakah wang ini sah....	Persoalan yang dikemukakan adalah di luar topik. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada agensi/Pihak Berkuasa Berwibawa (Competent Authority) yang berkaitan seperti Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung dengan persoalan ini.
26.	Adakah pendapatan jualan bitcoin yang dilakukan di platform luar negara tertakluk sebagai FSI atau pendapatan modal Malaysia?	Keuntungan bitcoin yang dilakukan di platform (Exchanger) luar negara adalah tertakluk kepada cukai sekiranya mempunyai petunjuk-petunjuk perdagangan.
27.	My humble suggestion to assist govt to increase their income from direct tax, remuneration for govt servant should be taxed as private sectors rather than exempting most of the allowances.	Terima kasih atas cadangan yang diberikan.
28.	Since cryptocurrency is not legal tender in Malaysia, examples (e.g. football ticket) mentioned payment made via cryptocurrency, event organizer allowed to sell/market the event in cryptocurrency?	Contoh di dalam Garis Panduan yang diberikan adalah untuk tujuan pelaporan cukai. Mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion adalah merupakan pendapatan yang layak dikenakan cukai (termasuk sebarang bentuk perniagaan yang tidak berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa) perlu melaporkan keuntungan/pendapatan tersebut kepada pihak LHDNM.
29.	Bagi pembayar cukai yang menggunakan mata wang kripto sebagai medium transaksi perniagaan, apakah dokumen rujukan untuk membuktikan baki atau rekod transaksi.	Antara Dokumen rujukan yang boleh digunapakai dalam membuktikan transaksi wang digital adalah: 1. Penyata transaksi Platform Mata Wang Digital yang digunakan. 2. Penyata Bank 3. Penyata Wallet wang digital yang digunakan (Contoh: trust wallet, best wallet)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
30.	Bitcoin miners receives their fees in bitcoins that they mine. What is the value to be charged? Is it charged at the value upon the date of successful mining or upon conversion of the bitcoin to cash?	Kebolehcukaian urus niaga mata wang digital di Malaysia adalah berdasarkan seksyen 3 dan seksyen 12 ACP 1967 di mana pendapatan mana-mana orang yang terakru di dalam atau diperolehi dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia adalah dikenakan cukai. Nilai yang perlu dilaporkan adalah nilai pasaran bitcoin pada tarikh yuran boleh diterima atau dianggap diterima pada tarikh "successful mining" dan bukan pada tarikh pertukaran bitcoin kepada tunai.
31.	Reference to example 1. Profit valuation is determined at market rate of the bitcoin on a successful selling or after the digital currency is converted physically to cash?	Keuntungan dinilai berdasarkan kadar pasaran yang digunakan sewaktu transaksi dibuat.
32.	Berapa lama tempoh coin disimpan utk diiktiraf pendapatan bersifat modal, sebelum dijual?	Tiada tempoh masa yang spesifik bagi penentuan bersifat hasil atau bersifat modal kerana ianya mesti dipertimbangkan berdasarkan fakta dan keadaan sebenar. Penentuan layanan cukai perlu ditentukan berdasarkan petunjuk perdagangan secara keseluruhan dan bukan hanya faktor tempoh masa. Sebagai contoh, lebih pendek tempoh pegangan, lebih besar kemungkinan ia akan dianggap sebagai dipegang untuk perdagangan.
33.	How many years needed to determine it is Hasil or Modal?	Tiada tempoh masa yang spesifik bagi penentuan bersifat hasil atau bersifat modal kerana ianya mesti dipertimbangkan berdasarkan fakta dan keadaan sebenar. Penentuan layanan cukai perlu ditentukan berdasarkan petunjuk perdagangan secara keseluruhan dan bukan hanya faktor tempoh masa. Sebagai contoh, lebih pendek tempoh pegangan, lebih besar kemungkinan ia akan dianggap sebagai dipegang untuk perdagangan.
34.	If it has been determined that the trading is business transaction, how do you charged to Malaysian tax if the person conducts the transaction via platform (outside M'sia) other than sanctioned by SC?	Disebabkan syarikat menjalankan perdagangan kripto, cukai akan dikenakan ke atas keuntungan yang terhasil daripada aktiviti perniagaan kripto tersebut.
35.	Ada potensi ke crypto ni akan diiktiraf di Malaysia?	Maaf, LHDNM tidak boleh memberikan jawapan berhubung dengan persoalan tersebut kerana ia di luar bidang kuasa LHDNM. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada agensi/Pihak Berkuasa Berwibawa (Competent Authority) yang berkaitan seperti Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung dengan persoalan ini.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
36.	Kalau beli digital currencies, lepas tu guna untuk perbelanjaan harian sepertimana kita gunakan e-wallet, macam mana untuk analisa kes ini	Perbelanjaan wang digital yang telah dilakukan boleh disemak menerusi dokumen berikut: 1. Penyata transaksi dari Platform Mata Wang Digital. 2. Penyata dari Wallet wang digital yang digunakan. (Contoh: trust wallet, best wallet)
37.	What makes holding stocks different with holding crypto? Why makes crypto taxable but stocks does not? How about forex? Bagaimanakah layanan cukai terhadap forex?	Tiada perbezaan di antara layanan cukai ke atas saham, mata wang digital dan pertukaran mata wang asing. Pendapatan hasil daripada pelupusan saham, mata wang digital dan pertukaran mata wang asing adalah tertakluk kepada cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2024, Cukai Keuntungan Modal (CKM) telah diperkenalkan dan hanya dikenakan atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang terdiri daripada: (a) saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia; atau (b) saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya.
38.	If crypto can be seen as trading, then all the shares traders should even be subject to such scrutinisation? IRB should have “ops shares” instead	